

BUNGA DALAM REKACORAK TEKSTIL INDIA.

**zahir ahmad
tekstil 4
kssr itm.
jan. 1983**

KATA-KATA PENGHARGAAN

Disini ingin saya mengucapkan sepatah dua kata tanda kesyukuran saya kerana dapat menyiapkan thesis ini mengikut waktu yang telah ditetapkan, walaupun terdapat banyak masaalah mencari bahan kajian tentang tajuk yang saya buat ini. Walaupun begitu, saya memilih tajuk ini adalah kerana saya dapati ianya jarang dibuat oleh pelajar-pelajar ditahun-tahun yang lepas. Saya begitu berminat untuk membuat kajian tentang tajuk ini.

Ingin juga saya mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada pihak-pihak tertentu yang telah memberi pertolongan atau kerjasama didalam kajian saya untuk membuat thesis ini terutama sekali kepada ayahanda/bonda serta keluarga dan kawan-kawan saya yang banyak memberi perangsang dari apa segi jua pun. Tidak lupa juga saya kepada pensyarah-pensyarah yang membimbing saya dalam menyiapkan thesis ini. Pihak-pihak yang saya sebutkan tadi adalah seperti berikut:-

1) Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Kuala Lumpur.

2) Syarikat Santhi,

25, Jalan Melayu, Kuala Lumpur.

3) M. Nathan,

Penjual Bunga,

Jalan Melayu, Kuala Lumpur.

ISI KANDUNGAN

Muka surat

BAB 1 -	PENDAHULUAN <i>Illustrasi</i> ?	
-	PENGENALAN	1
	Sejarah Tekstil India.	
BAB 2 -	DATA-DATA BUNGA	4
BAB 3 -	PERBEDZAAN ANTARA REKACORAK INDIA DAN MELAYU	21
BAB 4 -	KAJIAN SENDIRI	
	i) Kajian dalam rekacorak bunga India.	38
	ii) Warna dalam rekacorak tekstil India.	46
	iii) Dipandang dari sudut lain	52
BAB 5 -	PENUTUP	56

PENDAHULUAN

Thesis ini adalah satu hasil dari kajian yang saya lakukan bagi memenuhi syarat-syarat dalam pengajian Senilukis dan Senireka selama empat tahun.

Memandangkan kepada tajuknya yang jarang dibuat oleh para pelajar ditahun-tahun lepas, maka ingin saya nyatakan sekali lagi bahawa ia menarik minat saya yang ingin serba tahu tentang tajuk ini.

Bunga adalah satu dari kejadian alam semulajadi yang menarik yang mempunyai banyak kegunaannya dalam kehidupan kita seharian. Oleh itu saya fikir adalah perlu bagi saya untuk mendefinasikan kegunaannya itu. Bunga yang juga boleh diertikan sama dengan seorang perempuan seperti kata pepatah Melayu "bak bunga kembang sekuntum" yang maksudnya seorang perempuan yang cantik jelita. Oleh itu dapatlah kita lihat betapa bunga itu menunjukkan sifat yang indah dan suci.

Jadi disini saya mendalami kajian saya tentang bunga didalam rekacorak tekstil khususnya dalam rekacorak tekstil India.

1

PENGENALAN:- Sejarah Tekstil India

Sejarah lama Tekstil India tercatit mengenai kebanyakannya tentang penulisan atau sastera dan dalam bentuk ukiran. Terdapat keterangan mengenai Industri Kain (Cotton Textile Industry) di Mahenjo - Daro di Lembah Indus lebih kurang 3000 BC dahulu dan barang-barang yang dijumpai terselamat hanya selepas tahun-tahun itu.

Kebanyakannya daripada barangan tekstil yang masih ada hanyalah selepas abad ke 17 masehi. Ini adalah kerana cuaca monsun yang menyebabkan kehilangan benda-benda itu. Pada masa dahulu tekstil India adalah sangat terhad kepada tenunan sahaja. Kerjatangan yang baik telah didapati pada sewaktu upacara menggantung kerja-kerja itu pada kuil-kuil.*'

Rekacorak merupakan lambang yang istimewa didalam senireka tekstil. Ia melambangkan satu kecantikan dengan corak-coraknya yang pelbagai rupa diatas sesuatu fabric. Rekacorak ini boleh dibentukkan dengan pelbagai rekaan samada dari segi mencorakkannya dengan warna (dye), ditenun menjadi satu corak dengan menggunakan benang yang boleh dicelup dengan pelbagai warna.

Didalam rekacorak tekstil ini tidaklah menjadi satu

* A History of Textiles.
- Kax Wilson.

Tidak Lengkap! nk smet, para, tempat
percadik, talim &